

20/05/1998

PM rasmi Emtek 98

EKSPOSISI Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (Emtek 98), mampu menjadi platform utama kepada masyarakat luar bandar memanfaatkan teknologi maklumat (IT) dalam kehidupan harian.

Ini memandangkan Emtek 98 anjuran Yayasan Pasir Mas, akan mengetengahkan teknologi terkini dunia komputer serta telekomunikasi yang jarang dinikmati penduduk luar bandar.

Acara yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut membabitkan pelbagai pihak termasuk Mimos Berhad (Mimos) dan Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Emtek 98 yang akan berlangsung selama enam hari mulai 29 Mei ini di padang Sekolah Menengah Chabang Empat, Pasir Mas/Tumpat, Kelantan, merangkumi kawasan seluas 22 ekar, membabitkan kira-kira 40 syarikat IT tempatan.

Menurut Pengerusi Emtek 98, Senator Datuk Ibrahim Ali, walaupun Emtek 98 tidak sehebat acara IT yang diadakan di bandar utama, ia tetap menyediakan sumbangan bermakna kepada masyarakat kawasan berkenaan.

"Emtek 98 akan menjadi platform kepada masyarakat luar bandar meningkatkan pengetahuan dalam dunia IT.

"Tambahan lagi ia juga menyahut seruan Kerajaan dalam memangkinkan matlamat membentuk masyarakat bermaklumat," katanya.

Walaupun negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi, pembabitan syarikat tempatan dalam Emtek 98 membuktikan kesungguhan pihak berkenaan mengembangkan literasi komputer di kalangan masyarakat luar bandar.

(END)